

PERANG KASTILA

Srinarawie bin Bidzah



Pusat Sejarah Brunei
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Bandar Seri Begawan BS 8610
Negara Brunei Darussalam

© Srinarawie bin Bidzah, 2012

Cetakan Pertama, 2012
Cetakan Kedua, 2016

Semua hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system), ataupun dipindahkan dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.

ISBN 978-99917-34-94-1

Hiasan Kulit dan Ilustrasi Dalam:
Mohammad Rezuan bin Haji Jamaeh

Editor Penyelenggara:
Haji Rosli @ Ismail bin Haji Ampal
Sa'bariah @ Yus binti Haji Adanan
Salina binti Haji Jaafar


Diset taip dan reka letak oleh Pusat Sejarah Brunei, Negara Brunei Darussalam

Dicetak oleh Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd



Pada TM 1533, Brunei diperintah oleh Sultan Saiful Rijal. Baginda menaiki takhta Kerajaan bagi menggantikan Sultan Abdul Kahar. Jajahan takluk baginda meliputi seluruh Pulau Borneo, termasuk beberapa wilayah di pesisir pantai hingga Sungai Sambas.

Negeri Brunei ketika itu terkenal dengan keindahan dan kekayaannya sehingga menarik minat kuasa Barat untuk bertapak di Negeri Brunei antaranya ialah Sepanyol. Mereka telah merancang untuk menakluki Negeri Brunei dan menjadikannya sebagai pusat perdagangan dan perkembangan agama Kristian.




“Saya mendapat tahu bahawa Negeri Brunei sebuah negeri yang makmur. Ia terkenal sebagai tempat persinggahan pedagang dan ahli pelayaran. Saya mahu kita menakluki Negeri Brunei kerana ia boleh mendatangkan keuntungan kepada kita,” kata Miguel Lopez de Legazpi kepada pengikutnya.

“Saya setuju dengan perancangan tuan itu untuk mengambil Brunei sebagai tanah jajahan kita,” balas salah seorang pengikutnya.

Pada TM 1564, Miguel Lopez de Legazpi menyertai angkatan tenteranya telah belayar ke Kepulauan Filipina hingga Cebu tetapi kedatangan mereka di Cebu telah mendapat tentangan daripada penduduk tempatan.

Maka Miguel Lopez de Legazpi kemudian meneruskan pelayaran ke Mindanao, namun sekali lagi mendapat tentangan daripada penduduk Islam di sana. Oleh sebab semua perancangannya gagal, angkatan tentera Sepanyol pun terpaksa berpatah balik dan menyerang Cebu.

Terjadilah pertempuran hebat antara penduduk Cebu yang diketuai oleh Tupas bin Humabon, Raja Cebu dengan angkatan tentera Sepanyol sehingga membawa kemenangan kepada pihak Sepanyol dan dengan kemenangan itu Sepanyol mula bertapak di sana.



Pada TM 1570, angkatan tentera Sepanyol menyerang Manila yang ketika itu diperintah oleh Raja Sulaiman tetapi tidak berjaya. Setahun kemudian, angkatan tentera Sepanyol menyerang Manila untuk kali kedua dan kali ini mereka berjaya menaklukinya. Sejak itu, Manila telah dijadikan sebagai pusat pemerintahan Sepanyol.

Setelah Manila di bawah pemerintahan Sepanyol, pelbagai perancangan telah diatur untuk meluaskan lagi jajahan mereka antaranya menyebarkan agama Kristian kepada penduduk tempatan dan cuba menghapuskan agama Islam.

An illustration of Miguel Lopez de Legazpi, a Spanish explorer, sitting at a desk. He is wearing a dark coat and a hat. He is looking down at a map or document on the desk. A nameplate on the desk reads "Miguel Lopez de Legazpi".

“Sekarang kita berkuasa ke atas Manila. Kita mulakan rancangan kita untuk menyebarkan agama Kristian,” kata Miguel Lopez de Legazpi kepada pengikut-pengikutnya. Namun pihak Sepanyol mendapat kesukaran untuk menyebarkan agama Kristian kerana kebanyakan penduduk di sana beragama Islam. Penduduk Islam di Manila juga tidak suka kepada Sepanyol dan agama yang mereka sebarkan. Mereka di Manila sentiasa mencari jalan bagi menentang Sepanyol.

A black and white illustration of a man with a mustache, wearing a turban and a long robe, looking out of a window. He is holding a rolled-up document. Outside the window, a large sailing ship is visible on the water, with palm trees on the shore in the background.

Pada TM 1573, Manila kemudian ditadbir oleh Guido de Lavezaris setelah Miguel Lopez de Legazpi mati. Sepanyol telah menghantar utusan ke Brunei untuk meninjau keadaan dan membuat pemetaan mengenai negeri itu.

Setahun kemudian, Sepanyol kembali lagi ke Brunei dan menghantar utusan mengadap Sultan Saiful Rijal. Utusan itu membawa surat yang menyatakan maksud untuk bersahabat dan mengembangkan agama mereka, Kristian. Setelah mengetahui kandungan surat itu, Sultan Saiful Rijal murka dan menolak permintaan mereka.

Sebaik sahaja utusan yang dihantar oleh Sepanyol balik ke Manila, pihak Sepanyol berasa marah apabila mengetahui hajat mereka tidak mendapat restu daripada Sultan Saiful Rijal. Pihak Sepanyol mula menyimpan dendam dan mencari jalan untuk menjatuhkan Brunei.